

# Malaysia timbang beli kapal perang MSS

BUSAN 10 Mac - Malaysia sedia menimbang untuk membeli kapal perang pelbagai guna atau Multi-role Support Ship (MSS) buatan Korea Selatan bagi kegunaan pasukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang berkhidmat di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan bantuan-bantuan kemanusiaan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pembelian kapal perang itu sebenarnya merupakan salah satu projek yang dipertimbangkan oleh kerajaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Ini kerana kita ada keperluan sebuah kapal perang pelbagai guna seumpama itu kerana penggunaannya meluas. Bagaimanapun prosesnya (pembelian) akan ditentukan mengikut bidaan antarabangsa," katanya kepada pemberita selepas melawat kilang Samsung Techwin Co. Ltd., di sini hari ini.

Terdahulu Najib yang menaiki helikopter Blackhawk mendarat di atas kapal perang berkenaan yang berada di tengah laut ber-

hampiran kawasan perindustrian berat Hanjin, di sini bagi meninjau kelengkapan sedia ada.

Kapal tersebut akan ditauliahkan kepada tentera laut Korea Selatan dalam tempoh tiga bulan lagi.

Apa yang menarik kapal tersebut seberat 14,000 tan dengan 199 meter panjang dan 31 meter lebar itu ialah kemampuannya membawa 340 krew, trak, helikopter, hoverkraf, kereta kebal dan kenderaan armor.

Bagaimanapun Najib yang juga Menteri Pertahanan menjelaskan, kerajaan perlu terlebih dahulu meneliti beberapa aspek teknikal pada kapal MSS itu bagi kegunaan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

"Sebenarnya, kapal ini telah dipohon oleh Markas ATM untuk kegunaan tiga cabang perkhidmatan sedia ada walaupun ia dikendalikan oleh TLDM.

"Kegunaan kapal ini lebih bersifat perkhidmatan seperti digunakan dalam operasi anggota tentera kita yang berkhidmat di bawah panji PBB," ujarnya.

Tambah beliau, ia dianggap relevan da-

lam usaha meningkatkan bantuan-bantuan kemanusiaan kerana dalam kapal itu juga dilengkapi dengan kemudahan mini hospital termasuk penyediaan bilik bedah.

Ditanya mengenai lawatannya ke kilang kenderaan artileri keluaran Samsung Techwin Co. Ltd. yang membuat pelbagai kereta kebal termasuk jenis K9 Thunder Self-Propelled Howitzer 155mm 52 kaliber, jelas Najib, ia merupakan sebuah kilang artileri yang paling canggih.

Katanya, kereta kebal K9 Thunder itu telah diuji oleh Tentera Darat dan kerajaan sedang menimbang keperluannya kepada Malaysia tetapi setakat ini belum ada keputusan dibuat untuk membelinya.

K9 Thunder direka untuk menyerang kedudukan musuh dalam lingkungan jarak melebihi 40 kilometer dan turut dilengkapi dengan sistem *self-propelled howitzer* di samping sistem amunisi artileri terkini.

Dengan kadar kepantasan tembakan yang boleh mencecah kadar maksimum antara enam dan lapan pusingan seminit untuk tempoh tiga minit, K9 Thunder amat ber-

guna apabila berhadapan dengan kekuatan artileri musuh yang besar.

Kemampuannya melepaskan tembakan dalam masa 30 saat pada kedudukan tetap dan 60 saat ketika bergerak selepas menerima arahan memberi jaminan bahawa sebilangan kecil K9 Thunder mampu meneruskan serang balas ke atas musuh.

Selain kelajuannya yang boleh mencapai sehingga 67 kilometer sejam, K9 Thunder dengan kelegaan bumi melebihi 0.41 meter juga berupaya mengharungi pelbagai jenis bentuk permukaan jalan termasuk halangan tegak dengan ketinggian 0.75 meter; parit (2.8 meter luas dan 1.5 meter dalam); cerun sisi (30 peratus) dan cerun tegak (60 peratus).

Dari segi kemampuan survival, K9 Thunder dilindungi dengan besi perisai yang mampu mempertahankannya daripada peluru, tembakan mesingan berat dan periuk api di samping peralatan keselamatan yang dikawal secara automatik oleh tiub-tiub pengesanan haba.

- Mingguan